

VIREST CREAM 5%

Aciclovir

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Virest Cream
2. Bagaimana Virest Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Virest Cream
4. Cara menggunakan Virest Cream
5. Semasa menggunakan Virest Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Virest Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Virest Cream

Virest Cream mengandungi bahan aktif yang dipanggil *aciclovir*. Tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antiviral. Ia berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan virus.

Virest Cream digunakan untuk rawatan jangkitan pada kulit oleh virus *herpes simplex* pada peringkat awal dan berulang termasuklah *virus herpes genital* dan *herpes labialis*.

Bagaimana Virest Cream berfungsi

Aciclovir akan bertukar kepada *monofosfat* iaitu sejenis nukleotida oleh virus *hymidine kinases* daripada *varicella-zoster virus (VZV)*.

Aciclovir monofosfat akan bertukar kepada difosfat oleh sel *guanylate kinase* dan kepada trifosfat oleh beberapa sel enzim yang lain.

Aciclovir trifosfat akan mengganggu HSV and VZV DNA *polimerase* dan menghalang DNA replikasi virus.

Trifosfat disatukan ke dalam rantaian DNA yang semakin meningkat oleh DNA *polymerase virus* yang akan mengakibatkan pemberhentian rantaian DNA.

Oleh itu, *Aciclovir* akan bertukar secara selektif kepada bentuk *trifostat* yang aktif oleh sel-sel yang telah dijangkiti

HSV dan ia kurang bertoksik kepada sel-sel yang tidak dijangkiti.

Sebelum menggunakan Virest Cream

- Bila tidak boleh mengambil

- Jangan ambil ubat ini jika anda hipersensitif kepada *aciclovir* atau *ganciclovir*.
- Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan rosak.

Kehamilan dan penyusuan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika:

- anda seorang wanita yang mempunyai *herpes genitalis*

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi. Sebelum mengambil ubat ini, beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil sedang mengambil apa-apa ubat lain pada masa yang sama terutamanya *probenecid* (digunakan untuk merawat gout) kerana ia telah dilaporkan akan menghalang pembersihan *aciclovir* daripada buah pinggang.

Cara menggunakan Virest Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Dos dewasa biasa, remaja, pediatrik geriatrik

Topikal, disapukan keatas permukaan kulit, setiap tiga jam, enam kali sehari, selama tujuh hari. Gunakan dalam kuantiti yang cukup bagi menampung keseluruhan luka-luka .

Terapi harus bermula seawal yang mungkin selepas permulaan jangkitan, atau jangkitan berulang, ini sebaik-baiknya pada peringkat permulaan penyakit atau apabila luka-luka yang pertama muncul.

Bagi membantu membersihkan jangkitan herpes, teruskan penggunaan ubat ini sepenuh masa sepanjang rawatan, walaupun simptom penyakit telah mulai sembuh selepas beberapa hari digunakan. Walau bagaimanapun, pesakit tidak perlu menggunakan ubat ini lebih kerap atau untuk masa yang lebih lama daripada arahan doktor.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini selagi ia diberikan kepada anda oleh doktor anda

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau pegawai farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda bagi memenuhi dos yang terlepas.

VIREST CREAM 5%

Aciclovir

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Virest Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini sepertimana yang telah diberitahu oleh doktor anda.

Jauhi daripada bersentuhan dengan mata.

Jangan sapukan pada membran mucus contohnya, di dalam mulut, mata atau faraj, kerana ia mungkin merengsakan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil ubat ini.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali telah diberitahu oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan mesin.

Ubat ini mempunyai sedikit kesan sampingan yang boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Rujuk pada doktor dengan segera sekiranya anda mendapat apa-apa kesan sampingan yang mungkin menghalang anda daripada memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain, Virest Cream boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diinginkan, walaupun tidak semua orang mendapat kesan tersebut.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut selepas mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang dilaporkan:

- Sakit- sakit ringan
- Lecur
- rasa pedih
- *pruritus* (gatal-gatal)
- ruam kulit
- eritema atau sedikit pengeringan dan kulit mengelupas telah dilaporkan berlaku pada sebahagian kecil pesakit.

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan cepat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan Virest Cream

- Penyimpanan

Jauhkan dari penglihatan kanak-kanak. Simpan dibawah 30°C. Lindungi dari pembekuan .

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk pegawai farmasi untuk mengetahui cara pelupusan ubat yang tidak digunakan dengan betul. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Krim berwarna putih legap

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Mengandungi Aciclovir 5% w/w

- Bahan Tidak Aktif
Cetyl Alcohol
Sorbitan Monooleate
Propylene Glycol
Stearyl Alcohol
Propyl Hydroxybenzoate (Propyl Paraben)
Methyl Hydroxybenzoate (Methyl paraben)
Sodium Lauryl Sulphate
Liquid Paraffin
Deionised Water

- Nombor MAL
MAL19984392AZ

Pengilang

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan Kuala Kangsar), 30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

No Siri:

NPRA(R2/1)190419/118

Tarikh kemaskini RiMUP

22/12/2022